



SYLVIS pada Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Mahasiswa Baharu UMS.

UMS beri layanan terbaik kepada pelajar OKU

UB 5.9.2014 A2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan pelajar lebih-lebih lagi kepada golongan orang kelainan upaya (OKU).

Perkara itu dinyatakan seorang pelajar OKU, Sylvis A Tay ketika ditemui selepas majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Mahasiswa Baharu di Dewan Canselor UMS.

Dia yang kehilangan kaki kirinya akibat kanser tulang ketika berumur sembilan

tahun berkata, UMS melalui inisiatif Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah menyediakan pengangkutan khas untuk memudahkan pergerakan mereka sepanjang pengajian.

“Selain itu, saya dan rakan lain turut ditempatkan di bahagian aras bawah di kolej kediaman bagi memastikan kami tidak perlu bersusah payah menaiki tangga untuk masuk ke bilik. Saya sangat terharu dan berterima kasih atas layanan istimewa yang

diberikan UMS,” katanya yang mendapat tawaran dalam bidang Kejuruteraan Perisian, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Komputer (FKSW).

Pelajar kelahiran daerah Kota Marudu itu turut memuji keramahan kakitangan UMS dan para Pembimbing Suai Mesra (PSM) yang sentiasa bersedia dalam memberi khidmat bantuan kepada seluruh mahasiswa.

“Selaku pelajar baharu, saya tidak merasa terasing dan berada jauh daripada

keluarga memandangkan kemesraan dan layanan baik pihak universiti membuatkan kami seperti berada di rumah. Saya percaya rakan mahasiswa lain juga sependapat dengan saya,” katanya.

UMS merupakan pilihan utama pelajar seluruh Malaysia apabila mencatatkan jumlah tertinggi kemasukan pelajar baharu prasiswazah institut pengajian tinggi awam dengan seramai 4,851 orang. Daripada jumlah itu, enam daripadanya adalah pelajar OKU.